

20 tahun hidup bersembunyi, PATI tertangkap ketika memancing

SETELAH hampir 20 tahun menetap dan hidup secara sembunyi di Pantai Kiansam, Labuan akhirnya empat individu pendatang asing tanpa izin (PATI) berjaya diberkas sepasukan polis Labuan ketika mereka sedang memancing di kawasan pesisiran pantai itu, awal pagi 20 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendan Muhamad Farid Ahmad berkata, keempat-empat suspek warga Filipina yang berumur antara 20 hingga 40 tahun itu, ditahan pada pukul 2 pagi tadi

kerana tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

"Ketika tangkapan dibuat, kesemua suspek baru sahaja selesai memancing dan sedang mendaratkan pump bot di kawasan pantai Kiansam. Bot tersebut milik salah seorang daripada mereka.

"Kesemua suspek direman selama 14 hari untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1953/69 dan jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak lebih

RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya serta boleh dikenakan sebatan tidak lebih enam kali," katanya.

Dalam pada itu, Farid menegaskan, pemantauan di sepanjang pesisir pantai Labuan akan diteruskan bagi mengekang pendaratan PATI yang ingin memasuki Labuan.

Justeru itu, beliau menyeru orang ramai menyalurkan maklumat jika melihat aktiviti pendaratan PATI di sekitar pesisir pantai Labuan bagi membantu pihak berkuasa mengekang masuk golongan itu.

W.K



MUHAMAD FARID

06/06/2010 11:20 AM